



Ruj. Kami : JPA/PEN/335/1/2-41 Jld. 2
Tarikh : 26 Januari 2018

Senarai edaran adalah seperti di Lampiran A

YBhg. Tan Sri / Dato' Sri/ Dato' Seri/ Datuk,

PENGGUNAAN BORANG PERMOHONAN BAHARU BAGI LAPORAN PENGESAHAN PAKAR PERUBATAN DAN GARIS PANDUAN BAGI TUJUAN DAFTAR ANAK KURANG UPAYA TANGGUNGAN PESARA UNTUK MAKLUMAN PAKAR-PAKAR PERUBATAN KERAJAAN

Dengan segala hormatnya izinkan saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Dato' Seri/ Datuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menambahbaik **Borang Laporan Pengesahan Pakar Perubatan Mengenai Anak Kurang Upaya Tanggungan Pesara** (borang JPA.BP.UMUM.B04) dan telah menyediakan **Garis Panduan Umum Bagi Permohonan Daftar Anak Kurang Upaya Tanggungan Pesara** untuk rujukan umum. Borang permohonan format baharu dan garis panduan ini telah berkuat kuasa mulai 20 September 2017.

3. Sebagai makluman, penjawat awam yang memilih opsyen skim berpencen yang mempunyai anak yang kurang upaya bolehlah membuat permohonan untuk mendaftarkan anak kurang upaya tanggungan mereka tersebut bersekali dengan penghantaran permohonan persaraan wajib mencapai umur, permohonan persaraan pilihan atau permohonan pencen terbitan bagi kes kematian dalam perkhidmatan dengan melengkapkan borang ini dan mendapatkan pengesahan daripada mana-mana pakar perubatan Kerajaan yang berkaitan dengan ketidakupayaan yang dialami.

4. Sehubungan itu, kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Dato' Seri/ Datuk adalah dipohon agar dapat **memanjangkan dan memaklumkan semua pakar-pakar perubatan Kerajaan yang sedang berkhidmat di hospital/klinik kesihatan Kerajaan di bawah kementerian** YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Dato' Seri/ Datuk **untuk menggunakan borang format baharu ini semasa memberikan pengesahan kepada pemohon di kalangan anak kurang upaya bakal pesara/pesara Kerajaan yang ingin mendaftarkan anak kurang upaya tanggungan pesara bagi tujuan menikmati kemudahan perubatan dan mewarisi pencen terbitan sepanjang hayat setelah kematian pegawai/pesara kelak.**

5. Borang permohonan format baharu ini boleh didapati dan dimuat turun melalui pautan ke laman portal jabatan ini seperti berikut:

- a) Pautan: <http://www.jpapencen.gov.my/borang.html> - senarai borang;
- b) Klik pada borang bernombor 18; dan
- c) Nama borang: JPA.BP.UMUM.B04 (Borang Pengesahan Anak Kurang Upaya).

6. Permohonan tersebut seterusnya akan diteliti dan diputuskan kelayakannya oleh Jabatan ini. Jika terdapat sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, pihak YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Dato' Seri /Datuk boleh menghubungi pihak kami seperti maklumat berikut:

Unit Sinergi, Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Tel: 03 – 88854122 / 4438
Email: azril.wanchik@jpa.gov.my / ali.bakri@jpa.gov.my

7. Bersama-sama ini dilampirkan borang permohonan format baharu beserta garis panduan umum tersebut untuk rujukan dan pertimbangan pihak YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Dato' Seri / Datuk selanjutnya.

8. Segala kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Dato' Seri/ Datuk dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, salam hormat.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(TEO KHIAN HOW)

Pengarah
Bahagian Pasca Perkhidmatan
Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia
Tel.: 03-88854014
Emel: tk.how@jpa.gov.my

s.k: YBhg. Dato' Nor Inchun Binti Mohamed Salleh
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi)
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C, 62510, Putrajaya

SENARAI EDARAN

1. YBhg. Tan Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
No 2, Menara 2, Jalan P5/5, Presint 5
62200 Putrajaya

2. YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim Bin Mohamad Radzi
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan Malaysia
Jalan Padang Tembak
50634 Kuala Lumpur

3. YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

4. YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya